

Peruntukan RM130 juta *diluluskan*

► *Projek pembinaan jalan raya baharu di Sungai Magandai*

KOTA MARUDU: Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) Datuk Seri Panglima Dr Maximus Ongkili mengumumkan peruntukan sejumlah RM130 juta diluluskan kerajaan bagi membina jalan raya baharu di Sungai Magandai.

Pembinaan jalan raya baharu sepanjang 70km itu dijangka akan dimanfaatkan kira-kira 2,000 penduduk dari 20 buah kampung sekitar Sungai Magandai.

Beliau berkata peruntukan berkenaan diluluskan Unit Perancangan Ekonomi di bawah Jabatan Perdana Menteri bagi Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah.

“Perkembangan baharu ini membuatkan saya teruja kerana inilah yang saya mahu. Saya mahu rakyat di kawasan ini mempunyai kemudahan jalan raya yang akan menghubungkan kampung-kampung di kawasan ini.

“Akhirnya kelulusan diberi dan ia akan memanfaatkan 2,000 penduduk kampung yang terdiri daripada suku Sonsogon untuk lebih dekat dengan bandar.”

DATUK SERI PANGLIMA DR MAXIMUS ONGKILI
Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA)

“Akhirnya kelulusan diberi dan ia akan memanfaatkan 2,000 penduduk kampung yang terdiri daripada suku Sonsogon untuk lebih dekat dengan bandar,” katanya semasa Program Rentas Borneo kali keempat Universiti Malaysia Sabah (UMS), di sini pada Khamis.

Ahli Parlimen Kota Marudu ini berkata kerja rekaan untuk projek jalan raya ini akan dimulakan secepat mungkin dan kerja-kerja pembinaan dijangka akan bermula sebelum hujung tahun ini.

“Ini adalah projek utama untuk daerah di luar bandar dan saya percaya ini akan

membantu meningkatkan ekonomi dan kehidupan masyarakat Songoson.

“Pelaksanaan projek ini membuktikan bahawa kerajaan Bersian Nasional (BN) begitu mengambil berat tentang masyarakat luar bandar termasuk membantu meningkatkan status ekonomi mereka. Hanya kerajaan BN sahaja mampu membawa pembangunan sebegini untuk rakyat,” jelasnya.

Program selama empat hari yang diadakan itu memperlihatkan penglibatan 50 orang pelajar UMS dan diketuai oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) Prof Dr



MAXIMUS (dua kiri) menyampaikan hadiah kepada salah seorang pelajar Sekolah Kebangsaan (SK) Magandai yang mendapat tiga tempat terbaik dalam pertandingan mewarna yang diadakan.

D. Kamarudin D. Mudin.

Peserta yang terlibat turut membina mikro-hidro serta mengadakan pemeriksaan kesihatan dan gigi untuk penduduk kampung.

Turut hadir ialah Ahli Dewan Undangan Negeri Tandek Datuk Anita Baranting.